

## ASAS PEMBENTUKAN DARUL ISLAM RASULULLAH S.A.W

Kita masih lagi berada dibulan Rabiulawal – bulan kelahiran junjungan besar Nabi Muhamad saw. Sambutan Maulidurrasul saw masih lagi berterusan disana sini bagi mengenang pemimpin umat sekalian alam. Perkembangan yang pesat syiar Islam belaku dengan hijrahnya Rasulullah s.a.w ke Madinah. Penghijrahan tersebut merupakan langkah awal proses terbentuknya Darul Islam yang pertama di muka bumi saat itu. Disamping itu juga ianya merupakan pernyataan berdirinya Negara Islam dibawah pimpinan pendirinya yang pertama Muhammad s.a.w. Kerana itu tindakan yang pertama dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ialah meletakkan asas-asas penting bagi negara ini iaitu:

1. Pembangunan Masjid
2. Ukhuwwah sesama Muslim
3. Perjanjian Antara Kaum Muslimin dan Bukan Muslim

### Asas Pertama : Pembinaan Masjid

Semasa tiba di Madinah, unta Rasulullah s.a.w berhenti pada sebidang tanah milik dua anak yatim dari kaum Ansar. Sebelum kedatangan Rasulullah s.a.w ke Madinah, tempat tersebut oleh As'ad bin Zurarah sudah dijadikan sebagai Musalla, tempat ia bersama para sahabatnya melaksanakan shalat berjemaah. Kemudian Rasulullah s.a.w memerintahkan supaya dibangunkan masjid di atas tanah tersebut. Rasulullah s.a.w memanggil kedua anak yatim tersebut yang berada dibawah jagaan dan tanggung-jawab As'ad bin Zurarah untuk menanyakan harga tanah. Kedua-dua anak itu menjawab: "tanah itu kami wakafkan sahaja wahai Rasulullah." Tetapi Rasulullah tidak bersedia menerimanya sehingga beliau membayarnya dengan harga sepuluh dinar.

Jelaslah disini, sesampainya di Madinah dan menetap di sana, Rasulullah s.a.w segera menegakkan masyarakat Islam yang kukuh dan padu yang terdiri atas kaum Ansar dan Muhajirin. Langkah pertama kearah ini Rasulullah s.a.w membangunkan masjid. Tidak hairanlah jika masjid merupakan asas utama dan terpenting bagi membantu pembentukan masyarakat Islam. Kerana masyarakat Muslim tidak akan terbentuk secara kukuh dan rapi kecuali dengan adanya komitmen terhadap sistem, aqidah dan peraturan Islam. Hal ini tidak akan dapat dihasilkan kecuali melalui semangat masjid.

Diantara system dan prinsip Islam ialah tersebaranya ikatan ukhuwwah dan mahabbah sesama kaum Muslimin. Tetapi tersebaranya ikatan ini tidak akan terjadi kecuali didalam masjid. Selama kaum Muslimin tidak bertemu setiap hari, dan berkali-kali, dirumah-rumah Allah S.W.T – sehingga terhapusnya perbezaan-perbezaan pangkat, kedudukan, kekayaan serta status dan attribut sosial lainnya, maka selama itu pula tidak akan terbentuk persatuan dan persaudaraan sesama mereka.

Diantara sistem dan peradaban Islam yang lain ialah tersebaranya semangat persamaan dan keadilan sesama kaum Muslimin dalam segala aspek kehidupan. Tetapi semangat persamaan dan keadilan ini tidak mungkin dapat diwujudkan selama kaum Muslimin tidak bertemu setiap hari dalam satu saf di hadapan Allah S.W.T seraya bersama-sama berdiri dengan satu tujuan yaitu semata menghambakan diri kepada-Nya. Tanpa adanya kesamaan dalam 'ubudiah ini, bertapa pun mereka rajin ruku' dan sujud kepada Allah S.W.T, maka nilai keadilan dan persamaan tidak akan mampu menundukan egoisma dan keangkuhan yang ada pada diri masing-masing.

### Jadual Aktiviti / Pengajian Maghrib Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/04 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
02/04 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
03/04 (Selasa)	Ust. M. Fuad Kamaludin	Maulidurrasul
04/04 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
05/04 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
06/04 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Yakob	Feqah
07/04 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
08/04 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
09/04 (Isnin)	Tn Hj Ali Hj Ahmad (Uniten)	Umum
10/04 (Selasa)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
11/04 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
12/04 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
13/04 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
14/04 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
15/04 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
16/04 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
17/04 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
18/04 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
19/04 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
20/04 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Yaakon	Feqah
21/03 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
22/04 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
23/04 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
24/04 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
25/04 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
26/04 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
27/04 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
28/04 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
29/04 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
30/04 (Isnin)	Jemputan Khas	Umum

#### Kuliah Khas HELWA

Setiap Rabu 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Setiap Jumaat 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

#### Kuliah Suboh

07/04 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
08/04 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abdul Wahab	Hadith
13/04 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
14/04 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
20/04 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
21/04 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
27/04 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
28/04 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'tompok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.

### Catatan Kuliah Suboh – 24/03/2007 oleh Ustaz Ibrahim

- Sifat takabur yang ada dalam diri manusia membuatkan syaitan suka akan manusia itu dan dengan sikap takabur inilah boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agama Islamnya;
- Sifat takabur ini bila saja terlintas dihati seseorang itu atau bertakhta sedikit di hati seseorang itu, lama-kelamaan sifat itu boleh merosakkan hatinya;
- Salah satu sifat takabur yang ada dalam diri seseorang manusia itu ialah sifat bermegah-megah dengan jumlah yang banyak, contohnya bermegah dengan jumlah duit yang banyak, bermegah dengan amalan yang dibuat dengan banyak, kerana sifat bermegah ini boleh membawa kepada sifat takabur; Lebih banyak Allah "memberi" kepada kita sepatutnya lebih banyak lagi kita bertawaduk kepadanya;
- Manusia pada zaman ini berlumba-lumba mencari harta dunia; Tidak salah kita mencari harta didunia ini, tetapi jangan sampai kita lalai dengan perintah Allah, yakni terlalu sibuk dengan mencari harta dunia sampai tidak sempat mengerjakan solat, tidak sempat mengaji al-quran dan sebagainya; Manusia sanggup bekerja 8 – 10 jam sehari kerana habuannya nampak iaitu gaji / bonus / pangkat, tetapi dalam mengerjakan perintah Allah ini habuannya tak nampak yakni pahala itu tak nampak, itu sebabnya manusia tidak sanggup untuk berkorban kearah itu;
- Salah satu rukun iman ialah beramal dengan ilmu ghaib. Ilmu ghaib ini adalah seperti bersolat, berpuasa, berzakat, alam barzakh, alam akhirat dan lain lain. Pahala ilmu ghaib ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi pahala ilmu ghaib inilah yang akan dibawa ke akhirat kelak;
- Setiap manusia mesti menempuh 4 alam berikut :-
  1. Alam Roh – semasa berada di alam ini, malaikat diperintahkan oleh Allah untuk "mengusap" belakang Nabi Adam, lalu dari situlah keluarnya semua manusia;
  2. Alam Rahim – sewaktu kita berada di alam rahim ibu kita, Allah perintahkan malaikat untuk menetapkan 4 perkara pada kita iaitu rezeki / ajal / amalan / takdir. Jadi menjadi tanggung jawab kita untuk berusaha mendapatkannya;
  3. Alam Dunia – semasa kita berada di alam inilah, kita dapat menyaksikan kebesaran Allah yakni Allah menjadikan bukit bukau / lautan yang sangat luas / alam cakerawala dan sebagainya. Allah menyuruh manusia berfikir dengan segala pembuatan / kejadian Allah ini supaya manusia sedar akan keesaan Allah lalu manusia menambahkan lagi amalannya pada Allah;
  4. Alam Barzakh – Barzakh bererti sekatan antara alam dunia dengan alam akhirat atau erti kata lain alam kubur. Disinilah kita ditempatkan apabila kita sudah tiada lagi hidup didunia. Alam akhirat adalah penamat perjalanan kita yakni alam yang kekal selamanya;
- Setiap manusia mesti menempuh 3 perkara ini :-
  1. penyakit hasad – dengki – jika ada (memang terlintas dihati setiap manusia) jangan kita layan perasaan itu. Kita mesti ingat dan beritahu diri kita jika orang lain itu ada kelebihan dari diri kita sendiri, ingatlah itu semua pemberian dari Allah;
  2. Percaya kepada perkara-perkara yang karut. Jika ada timbul perasaan ini, jangan kita melayan perasaan tersebut;
  3. Bersangka buruk pada sahabat-sahabat kita. Jika timbul perasaan ini, jangan kita layan perasaan itu;Ketiga-tiga perkara yang disebut ini adalah hasil dorongan dari syaitan. Jadi hendaklah kita membuang perasaan itu jika ia terlintas dihati kita dan jangan biarkan ianya bertakhta di dalam hati kita.

### PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

– Biro Penerbitan & Penerangan

### Kuliah Ust Ahmad Lutfi - Kehebatan Rasulullah saw

1. Mukjizatnya antaranya bulan terbelah dua, keluar air dari celah-celah jari, menghidupkan semula orang yang telah mati, memulihkan mata yang buta
2. Manusia biasa tapi luarbiasa - tidak sama dengan kita
3. Sejauh mana kasih kita pada Rasul saw? Apakah bukti cinta kita padanya?
4. Keengganan ke rumah Allah - masjid/surau adalah bukti ketidakcintaan kita kpd Allah & Rasul. Apakah jaminan untuk mendapatkan rahmatNya atau syafaatnya
5. Jaminan syurga kepada orang yang cintakan Allah dan RasulNya melebihi segala-galanya
6. Antara kehebatan Nabi saw boleh melihat dgn jelas dimalam gelap
7. Kita semua pernah berjanji diazali mengakui Allah tuhan kita tapi lupa bila dilahirkan ke dunia
8. Hanya orang yang kasih kepada Nabi saw saja akan membaca/menghafal hadis-hadis Nabi saw. Kita bagaimana?
9. Tempat-tempat Nabi adalah tempat yang mulia; tanam/tempatkan perasaan cintakan Nabi saw dalam hati kita
10. Hadis daif adalah betul cuma perawinya yang 'cacat' - boleh diamalkan tapi tidak dijadikan hujah hukum (halal/haram)
11. Semua makhluk Allah dimuka bumi ini mencintai Rasul saw
12. Kerana kasih sayangnya kepada umatnya Nabi tidak pernah memohon kemusnahan sebaliknya memohon kebaikan dengan kasih sayang tidak seperti Nabi-nabi terdahulu
13. Nabi saw tiada bayang-bayang matahari atau bulan - doa Nabi utk memberi cahaya sekelian alam; masa kelahirannya keluar cahaya terang benderang menerangi alam
14. Hikmah Nabi saw tiada bayang - supaya tiada sesiapa memijak bayang-bayang baginda
15. Najis Nabi saw tiada bekas kecuali bau yang wangi/kasturi - doa Rasul saw supaya disembunyikan keaibannya. Air kencing Nabi boleh jadi ubat - Hadis Nabi
16. Nabi suci dari kotoran dan sifat mazmumah kerana telah dicuci dengan air zam-zam sebelum Isra'
17. Lalat (zubab) tak pernah hinggap pada Nabi saw, tidak pernah dihisap nyamuk, menguap
18. Binatang tidak pernah lari dari Nabi saw
19. Nabi lahir dlm keadaan berkhatan
20. Nabi saw menggalakkan puasa di hari assyura - Insa' Allah akan dikifarahkan dosanya setahun yang lalu
21. Orang yang sedekah makanan pada hari assyura akan dimurahkan rezeki selama setahun
22. Barang siapa yang berjalan demi jalan Allah akan mendapat ganjaran sebagai mujahidin
23. Barangsiapa menolong orang akan dipermudahkan perjalanannya di Titian Sirat
24. Amalan yan terbaik dihari assyura adalah memberi makan kepada orang yang berada di jalan Allah
25. Orang yang menziarahi orang sakit telah menyediakan satu tempatnya di syurga.



## Petikan Al-Quran/Hadith

*"Dan ingatlah ketika Isa anak Maryam berkata: 'Hai Bani Israil, sesungguhnya aku utusan Allah kepadamu, membenarkan kitab yang diturunkan sebelumnya, yaitu Taurat dan memberi khabar gembira dengan datangnya seorang Rasul yang akan datang kepadaku, yang namanya Ahmad (Muhammad). Maka tatkala Rasul itu datang kepada mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata, mereka berkata: ini adalah sihir yang nyata.'" Maksud Surah Ash-Shaf ayat 6.*

*"Orang yang paling dekat denganku pada hari kiamat ialah orang yang paling banyak berselawat kepadaku." Hadis Riwayat Tirmidzi.*

sambungan dari muka 1 ...

Diantara sistem Islam lainnya ialah terpadunya beraneka ragam latar belakang kaum muslimin dalam sesuatu kesatuan yang kukuh yang diikat oleh tali Allah S.W.T iaitu Hukum dan Syariat-Nya. Tetapi selama belum berdiri masjid-masjid, tempat kaum Muslimin berkumpul untuk mempelajari hukum dan syariat Allah agar dapat berpegang teguh kepadanya secara sedar diseluruh penjuru dan lapisan masyarakat, maka selama itu pula kaum muslimin akan tetap berpecah-belah.

Demi mewujudkan semua nilai-nilai di atas dalam masyarakat Muslim dan Negara mereka yang baru maka Rasulullah s.a.w segera mendirikan masjid sebelum melakukan yang lainnya.

### Asas Kedua : Ukhuwah Sesama kaum Muslimin

Kemudian Rasulullah s.a.w mempersaudarakan para sahabatnya dari kaum Muhajirin dan Ansar atas dasar kebenaran dan ras persamaan. Bahkan mereka dipersaudarakan untuk saling mewarisi sepeninggalan mereka, sehingga pengaruh Ukhuwwah Islamiyah lebih kuat dan membekas daripada pengaruh ikatan darah kekeluargaan/kekerabatan.

Rasulullah s.a.w telah mempersaudarakan Jaafar bin Abi Thalib dengan Muadz bin Jabal, Hamzah bin Abdul Muthalib dengan Zaid bin Haritsah, Abu Bakar As-Siddiq dengan Kharijah bin Zuhair, Umar bin Khattab dengan 'Utbah bin Malik, Abdul Rahman bin Auf dengan Sa'd bin Rabi' dan seterusnya.

Selanjutnya Rasulullah s.a.w mengikat persaudaraan antara para sahabat dengan suatu kerangka umum berupa ukhuwwah dan muwalah (penyerahan kesetiaan).

Ukhuwwah ini juga didasarkan pada prinsip-prinsip material, diantaranya ialah ditetapkan prinsip saling mewarisi sesama mereka. Ikatan-ikatan persaudaraan ini tetap didahulukan daripada hak-hak kekeluargaan sampai terjadi perang Badar Kubra, ketika diturunkan firman Allah S.W.T yang bermaksud, *"Dan orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) didalam Kitab Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah S.W.T Maha mengetahui segala sesuatu."* Surat Al-Anfal ayat 75.

Ayat ini menghapuskan hukum yang berlaku sebelumnya sehingga dengan turunnya ayat ini terhapuslah pengaruh ukhuwwah Islamiyah dalam hal waris-mewarisi. Setelah itu, setiap orang kembali kepada nasab kerabatnya masing-masing. Dan abadilah persaudaraan sesama Muslimin.

Bukhari meriwayatkan dari Ibnu Abbas r.a, ia berkata: Ketika kaum Muhajirin datang ke Madinah, seorang muhajir mewarisi seorang Ansar tanpa adanya hubungan keluarga, kerana ukhuwwah yang telah dijalin oleh Nabi s.a.w. Ketika turun ayat yang maksudnya: *"bagi tiap harta peninggalan dari harta yang ditinggalkan ibu bapa dan karib kerabat, kami jadikan pewaris-pewarisnya..."* Surah An-Nisa' ayat 33, terhapuslah hukum tersebut. Dengan demikian, berakhirlah masa berlakunya hukum waris-mewarisi berdasarkan ikatan ukhuwwah tersebut.

### Asas Ketiga : Perjanjian Antara Kaum Muslimin dan Bukan Muslim

iaitu membuat perjanjian yang mengatur kehidupan sesama kaum muslimin dan menjelaskan hubungan mereka dengan orang-orang diluar Islam secara umum dan dengan kaum Yahudi secara khusus.



## BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



**FORUM PERDANA MAULIDURRASUL** – Majlis Sambutan Maulidurrasul saw telah diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada **SABTU 12 Rabiulawal 1428H/31 Mac, 2007**. Sempena majlis tersebut, satu Forum Perdana bertajuk "Mengapa Berpecah" telah diadakan dengan ahli-ahli panel terdiri dari Ust Nik Bakri Nik Mat, Ust Fadzil Azhar dan Ust Halim Din. Jamuan BBQ turut diadakan bagi memeriahkan lagi majlis.

**HARI KELUARGA SEMPENA MAULIDURRASUL** – Majlis Sambutan Maulidurrasul saw turut dimeriahkan lagi dengan majlis Hari Keluarga yang telah diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada **AHAD 13 Rabiulawal 1428H/1 April, 2007**. Beberapa acara untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa telah diadakan bertujuan merapatkan lagi silaturrahim dikalangan ahli-ahli kariah.

**CERAMAH PERDANA MAULIDURRASUL** – Satu Ceramah Perdana sempena Majlis Sambutan Maulidurrasul saw juga telah diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada **SELASA 15 Rabiulawal 1428H/3 April, 2007**. Ceramah telah disampaikan oleh Tuan Guru Sheikh Al Musnid Muhamad Fuad Kamaludin Al-Maliki dari Rembau Negeri Sembilan yang merupakan Ahli Majlis Fatwa dan Tokoh Maal Hijrah Tahun 2006 Negeri Sembilan. Lebihkurang 500 orang telah hadir dimajlis tersebut. Majlis turut diserikan dengan bacaan Quran oleh Ust Farid (Imam Besar Masjid UIA Gombak) dan Bacaan Qasidah oleh Ust Abd Latif (Johan Qari Tilawah Al-Quran N. Sembilan Tahun 2006).

**PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9** – Juga telah dimaklumkan dalam Edisi Sinar yang lalu, pihak pentadbir Surau bercadang untuk meningkatkan tahap keselesaan para jemaah dalam beribadah dengan cadangan memasang pendingin hawa untuk dewan solat. Penajaan secara individu atau berkumpulan amatlah dialu-alukan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Azmay Abd Rahman (012-3663115).

Asas ini merupakan pekerjaan yang terpenting yang dilakukan Nabi s.a.w sehubungan dengan nilai perundangan bagi sebuah negara baru Madinah. Ibnu Hisyam meriwayatkan bahawa tidak lama setelah Nabi s.a.w tinggal di Madinah, semua orang Arab dari penduduk Madinah memeluk Islam. Seluruh kaum Ansar telah memeluk Islam kecuali beberapa kabilah dari kaum Aus. Kemudian Nabi s.a.w menulis sebuah Piagam Perjanjian antara kaum Muhajirin dan kaum Ansar dengan kaum Yahudi. Dalam perjanjian itu ditegaskan secara jelas mengenai penetapan kebebasan beragama dan hak pemilikan harta benda mereka, serta syarat-syarat lain yang saling mengikat kedua belah pihak.

Perjanjian tersebut merupakan perlembagaan yang meletakkan garis besar haluan negara baik menyangkut masaalah dalam mahu pun luar negeri. Perlembagaan yang dirangka Rasulullah s.a.w tersebut adalah berdasarkan wahyu Allah S.W.T dan ditulis oleh para sahabatnya dan kemudiannya disepakati oleh kaum muslimin dan tetangganya (Yahudi). Ini merupakan bukti nyata bahawa masyarakat Islam sejak awal lagi tetegak berdasarkan asas perundangan yang sempurna dan bukan berasaskan hujung pedang sebagaimana yang diputarbelitkan pihak orientalis.

Dari asas perlembagaan inilah baru dilaksanakan hukum-hukum syari'at Islam dalam kehidupan masyarakat berdasarkan konsep kesatuan umat Islam. Negara tempat perlaksanaan hukum dan syari'at Islam tidak akan wujud tanpa perlembagaan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. *Petikan dari kitab Sirah Nabawiyah*